

Headline	TNB ganti 30peratus kenderaan operasi kepada EV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	22
ArticleSize	220 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 25,899		



Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang komited kepada peralihan tenaga yang pantas dan bertanggungjawab akan menggantikan 30 peratus daripada kenderaan operasinya kepada kenderaan

TNB ganti 30% kenderaan operasi kepada EV

elektrik (EV) menjelang 2030, berjumlah lebih 1,000 kenderaan. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Se-

ri Baharin Din berkata, langkah strategik ini selari dengan aspirasi Malaysia neutral karbon menjelang 2050.

"Dalam langkah penting ke arah merealisasikan komitmen ini, TNB mempercepatkan peralihan kepada EV dengan menggunakan 98 unit baharu merangkumi 78 trak pikap elektrik dan 20 van elektrik.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan EV dalam kumpulan kenderaan operasi TNB kepada 127 buah kenderaan," katanya da-

lam kenyataan.

Baharin berkata, komitmen besar ini menyumbang secara signifikan kepada sasaran kerajaan untuk mencapai 20 peratus jualan EV menjelang 2030, selaras dengan Dasar Automotif Kebangsaan (NAP) 2020.

Katanya, peralihan kepada EV oleh TNB diunjurkan menghasilkan pengurangan tahunan sebanyak 2,200 hingga 4,833 tan

karbon dioksida, bersamaan dengan kira-kira 88,000 hingga 193,320 pokok sebagai pengimbang menjelang 2030.

"Manfaat ekonomi daripada inisiatif penggunaan EV oleh TNB adalah besar, dengan jangkaan penjimatan kos antara 35 peratus dan 86 peratus untuk pembaikan dan penyelenggaraan serta 25 peratus hingga 70 peratus kos tenaga lebih rendah berbanding

kenderaan bahan api fosil konvensional.

"TNB turut menjangka pengimbangan tahunan kira-kira enam peratus hingga 12 peratus dalam perbelanjaan bahan api fosil," katanya.

Baharin berkata, TNB bukan sahaja berdedikasi untuk mempercepatkan penggunaan EV menjelang 2030 tetapi juga memberi tumpuan kepada peningkatan semula kemahiran untuk industri EV, membina infrastruktur pengecasan, menaja kajian berkaitan EV dan memupuk kerjasama dalam kalangan pemain sektor EV.



ANTARA kenderaan kendalian TNB.

Langkah strategik selari aspirasi Malaysia neutral karbon menjelang 2050